

Title : MCIS Life Pasang Pelindung Keselamatan Untuk Kenderaan E-Hailing
Media : Getaran
Date : 24/02/2021

<https://www.getaran.my/artikel/teknovasi/1209/mcis-life-pasang-pelindung-keselamatan-untuk-kenderaan-e-hailing>

MCIS Life Pasang Pelindung Keselamatan Untuk Kenderaan E-Hailing

Ikhtiar untuk memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 datang dalam pelbagai bentuk. Inisiatif MCIS Life ini salah satu daripadanya.

TEKNOVASI DIKEMASKINI 5 HARI YANG LALU · DITERBITKAN PADA 24 FEB 2021 11:40AM



OLEH
Zaidi Che



Sering pelaksanaan SOP dan penjarakan sosial bagi membendung penularan wabak COVID-19, MCIS Life mengambil langkah dengan memasang 100 pelindung keselamatan (*safety shield*) untuk 100 kenderaan *e-hailing* terpilih di sekitar Lembah Klang.

Pelindung keselamatan lutsinar ini diletakkan di tengah-tengah bahagian dalam kereta, membahagikan antara ruang penumpang belakang dengan ruang pemandu. Ia bertujuan mewujudkan interaksi tanpa sentuhan antara kedua-dua pihak.

“COVID-19 ‘mencabar’ semua jenis perniagaan, tak kira lama atau baru. Hal yang paling positif yang boleh kita pelajari dari situasi pandemik global ini adalah ketahanan dan inovasi kepimpinan yang dipimpin, yang mana memberi inspirasi untuk kita kekal maju ke hadapan.”

“Di MCIS Life, kami mahu melakukan peranan kami dengan cara tidak konvensional bagi membantu komuniti tempatan mengatasi kesan COVID-19. Ketika itulah kami mula menjalankan kempen khas ini,” ucap Prasheem Seebran, Ketua Pegawai Eksekutif MCIS Life.



A Special Community Project

#PeopleHelpingPeople

   mcis life



Berfungsi penuh dan punya nilai estetika pada masa sama, pelindung keselamatan tersebut direka rapi, sehingga memungkinkan pemasangan (dan peleraian) yang cepat tanpa merosakkan ruang dalaman kenderaan.

Dibangunkan sepenuhnya berdasarkan prinsip *plug-and-play*, layar dipasang pada sandaran kepala dan tempat duduk dengan sokongan tambahan bagi mencegah getaran dan bunyi.

Pemandu-pemandu *e-hailing* ini merupakan sebahagian barisan hadapan. Terutamanya di Lembah Klang, sistem pengangkutan yang efisien adalah kunci kepada kelancaran fungsi setiap rumah, perniagaan dan institusi.

Sementara, sebahagian besar transaksi saat ini bersifat digital, pelindung keselamatan khas yang dipasang oleh syarikat insuran nyawa ini turut dilengkapi dengan bukaan tipis yang membolehkan perolehan wang secara tunai dari penumpang kepada pemandu, jika perlu.

Layari [MCIS Life](#) untuk maklumat lanjut. – Getaran, 24 Februari 2021

Semua gambar: MCIS LIFE